



EMPAT kru dan seorang tekong ditahan APMM Zon Maritim Kuala Perlis kerana melakukan aktiviti menangguk siput retak seribu tanpa kebenaran.

METRO AHAD 24/7/22
ms: 8

5 ditahan kerana siput retak seribu

Kangar: Nelayan dari Kedah dilihat terus berdegil menjalankan aktiviti penangkapan siput retak seribu di perairan negeri ini meskipun sudah diberi amaran oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Dalam kejadian terbaharu, empat kru dan seorang tekong dalam sebuah bot ditahan APMM Zon Maritim Kuala Perlis kerana didapati melakukan aktiviti menangguk siput retak seribu tanpa kebenaran.

Pengarah APMM Zon Maritim Kuala Perlis Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain berkata, penahanan nelayan serta bot yang berpangkalan di Jeti Kuala Kedah dilakukan di kedudukan kira-kira 1.2 batu nautika dari barat Sungai Berembang, Kuala Perlis di sini sekitar jam 2.40 pagi, kelmarin.

Beliau berkata, penahanan itu dibuat selepas pihaknya menerima maklumat awam sebelum menerangkan bot ronda APMM yang melakukan rondaan rutin menerusi Op Aman/Op Benteng Laut di sekitar perairan Perlis segera ke lokasi.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati terdapat

seorang tekong dan empat awak-awak bot yang berusia antara 38 hingga 46 tahun dalam bot itu.

"Anggaran nilai keseluruhan rampasan termasuk bot, enjin dan siput retak seribu sekitar RM100,960. Kru bot termasuk tekong, bot dan hasil tangkapan siput dibawa ke jeti APMM Zon Maritim Kuala Perlis untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan kepada media.

Mohd Hashim berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11 (3) (C) Akta Perikanan 1985 kerana memasang atau menyebabkan dipasang apa-apa belat ikan, peralatan menangkap ikan atau peranti mengumpul ikan tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia sebelum suatu lesen berkenaan dengannya dikeluarkan.



Anggaran nilai keseluruhan rampasan termasuk bot, enjin dan siput retak seribu sekitar RM100,960"

Mohd Hashim



HASIL tangkapan siput dibawa ke jeti APMM Zon Maritim Kuala Perlis untuk tindakan lanjut.